

**Nota Penyelidikan/Research Note**

**Pengalaman Penjagaan Ibu Bapa Tua oleh Anak Dewasa: Satu Kajian dalam Kalangan Penduduk Melayu Bandar Berpendapatan Rendah**

**Experiences of Adult Children Caring for Aged Parents: A Study Among Low Income Urban Malay**

KHADIJAH ALAVI, RAHIM M. SAIL, KHAIRUDDIN IDRIS & ASNARULKHADI ABU SAMAH

**ABSTRAK**

*Tujuan utama artikel ini adalah untuk meninjau fenomena bagaimana seseorang penjaga (anak dewasa) mengharungi pengalaman dan mengurus aktiviti harian dalam menjaga ibu bapa tua, keluarga dan kerjaya serta bagaimanakah mereka memenuhi tuntutan agama Islam dalam menjaga ibu bapa tua. Kajian kes berdasarkan pendekatan fenomenologi telah dipilih sebagai pendekatan kajian. Informan adalah anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang berumur lebih 60 tahun, berbangsa Melayu, dengan status sosioekonomi rendah serta tinggal di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur selain mempunyai keluarga sendiri. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua pengalaman utama dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua, iaitu pra pengalaman dan pengalaman sebenar. Dalam melalui pengalaman penjagaan ini, informan memikul tanggungjawab penjagaan (membalas budi, dedikasi, komited, bertolak ansur dan berkongsi masalah); pengetahuan logikal (muhasabah diri dan timbal balik) dan kerana bantuan tangible (bantuan kewangan dan hubungan dengan anak perempuan) dan bukan tangible (mengemas rumah, memasak dan menjaga perasaan ibu bapa tua). Artikel ini merumuskan bahawa seseorang anak dewasa yang ingin menjaga ibu bapa tua perlu bermula dengan bertawakal (memperhitungkan kekuatan dan kemampuan seseorang individu terlebih dahulu sebelum mengerjakan sesuatu perkara) dan berakhir dengan tabah hati, sabar dan redha mengharungi masalah dan cabaran dalam menjaga ibu bapa mereka.*

*Kata kunci:* Pengalaman, tanggungjawab penjagaan, ibu bapa tua, anak dewasa, bantuan timbal balik

**ABSTRACT**

*The main purpose of this article is to understand from the Islamic perspective the nature of adult children caregivers' experiences towards their aged parents and how they manage their daily activities while caring for their own family as well as manage their career. Phenomenology was chosen as the approach in this study. Informants were Malay adult children caring for their elderly parents aged 60 years and above, and from low income families in Kuala Lumpur. The findings encompass two major experiences of the adult children, which include their experiences before (pre experience) and while (actual experience) caring for the elderly parents. In going through these caregiving experiences, the informant assume the responsibility of caring (out of gratitude, dedication, sense of commitment, reciprocity and sharing problems); logical knowledge (based on reflection of one's past deeds); and for tangible support (financial assistance and parents' relationship with their daughters) and non-tangible support (such as cleaning the house, cooking and protecting their elderly parents' feelings). This article conclude that an adult child who wants to take care of the aged parents must start with a feeling of 'tawakal' (taking into account individual strength and ability before committing to caregiving) and ends with being resolute, patient and acceptance in facing the challenges and problems in caring for their aged parents.*

*Keywords:* Experience, caring responsibility, aged parents, adult child, reciprocal assistance

**PENGENALAN**

Di Malaysia, perkembangan teknologi perubatan dan peningkatan ekonomi telah meningkatkan jangka hayat warga tua, dan secara tidak langsung fenomena ini telah meningkatkan kedapatan penduduk warga tua di dalam

masyarakat Malaysia (Nazileh Ramli 2001). Taburan penduduk Malaysia mengikut umur bagi tahun 2000 menunjukkan bahawa 6.1 peratus atau 1.418 juta orang adalah berumur 60 tahun ke atas. Demografi penuaan ini semakin bertambah secara drastik dan menjelang tahun 2020, adalah dijangkakan bahawa 9.5 peratus populasi

negara akan menua, iaitu berumur 60 tahun dan ke atas (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001). Fenomena ini menunjukkan bahawa lebih ramai warga tua akan mengharungi kehidupan mereka dalam keadaan kurang upaya dan bergantung kepada anak dewasa. Peningkatan dalam demografi penuaan ini mewujudkan beberapa cabaran dan masalah kepada emosi, sosial, kesihatan, politik dan ekonomi yang akan dialami oleh keluarga, masyarakat dan negara.

Dapatkan kajian beberapa pengkaji menunjukkan bahawa penjagaan oleh keluarga sendiri telah menjadi satu pilihan yang semakin kurang kemungkinan untuk warga tua yang semakin bertambah (Tan Poh Chang 1996; Mazanah dan Mazalan 1999; Asnarulkhadi Abu Samah 2001; Ong Fong Sim 2002; Tengku Aizan Hamid 2003). Fenomena ini berlaku disebabkan oleh beberapa perubahan yang berlaku dalam sistem kehidupan keluarga dalam kalangan masyarakat bandar. Antara punca fenomena itu termasuklah:

- 1) Pengurangan kadar kelahiran mengakibatkan kurang bilangan anak untuk berkongsi tanggungjawab menjaga warga tua.
- 2) Proses modenisasi yang pesat dari segi infrastruktur dan ekonomi pada akhir-akhir dekad ini mengakibatkan pengurangan jumlah keluarga asas. Lebih ramai wanita bekerja terutama di bandar menyebabkan ibu bapa mereka tinggal bersendirian di rumah atau menjadi keluarga ganti (menjaga cucu).
- 3) Lebih penting lagi, semakin ramai wanita yang biasanya mengambil tanggungjawab besar menjaga ibu bapa sendiri atau mertua mereka mula bekerja sepenuh masa dan separuh masa. Ini menyebabkan masa yang dapat mereka luangkan untuk penjagaan ibu bapa semakin berkurangan.
- 4) Peningkatan kadar perceraian mengurangkan lagi hubungan dengan anak-anak dan manantu.
- 5) Kos penjagaan warga tua yang terselindung (hidden) di mana penjaga primer terpaksa mengurangkan masa kerja (mengambil cuti), menolak kenaikan pangkat, putus asa untuk bekerja dan sebagainya.
- 6) Pergerakan geografi antara ibu bapa tua dan anggota keluarga yang disebabkan oleh globalisasi dalam sistem pekerjaan dan keperluan ekonomi yang lain menyebabkan ibu bapa tua ditinggalkan tanpa ada anggota keluarga yang tinggal berdekatan.

Perubahan dalam kehidupan keluarga di atas, terutama kepada keluarga Melayu dalam konteks penyesuaian dengan kehidupan di bandar Kuala Lumpur memberi kesan ketara kepada sistem persanakan (Yaakob Harun 1993). Bentuk keluarga moden di bandar adalah jenis keluarga asas terpisah (*isolated nuclear family*) yang mempunyai hubungan minimum dengan sanak saudara. Dalam keluarga jenis ini penyesuaian antara pasangan suami isteri lebih utama; perhubungan sanak saudara yang lain tidak penting (Parson 1977). Oleh yang demikian, keluarga asas yang terdapat di bandar dikatakan

tidak mempunyai ikatan emosi dan sentimen yang kuat dengan sanak saudara. Secara langsung perubahan ini menyebabkan ibu bapa tua hanya boleh bergantung kepada anak dewasa mereka untuk penjagaan. Dapatkan kajian Da Vanzo dan Chan (1994) menunjukkan lebih dua pertiga penduduk Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas tinggal bersama anak dewasa. Sementara Jabatan Perangkaan Malaysia (2001) melaporkan 59 peratus warga tua tinggal bersama anak-anak mereka. Kajian Chen (2002) pula mendapati bahawa hampir 72 peratus warga tua di Malaysia tinggal bersama anak dewasa mereka. Walaupun terdapat perbezaan statistik, dapatkan kajian di atas menunjukkan kebergantungan warga tua kepada anak dewasa mereka untuk menjalani sisa-sisa kehidupan. Fenomena peningkatan jangka hayat ibu bapa, perubahan sosio-ekonomi dan perubahan bentuk keluarga yang mengubah cara gaya penjagaan warga tua bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan merupakan satu fenomena global yang telah menjadi sejarah dalam kehidupan umat manusia.

Dalam keluarga Islam ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi dan dijaga dengan penuh keistimewaan dan tanggungjawab oleh anak dewasa. Quran dan hadis memberikan garis panduan dan arahan bagaimana ibu bapa dan warga tua seharusnya dilayani. Tanggung jawab anak dewasa menjaga kebaikan ibu bapa mereka ditegaskan oleh Allah SWT berulang kali di dalam al-Quran (i.e. al-Baqarah: 83, 180, 215; an-Nisa': 1, 7, 36; Isra': 23-24; al-Ankabut: 8, al-Ahqaf: 15). Misalnya surah seperti berikut:

Kami wasiatkan kepada lelaki dan perempuan supaya berbuat baik kepada kedua ibu dan bapa. Ibunya mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah pula... (46:15).

Kami mewasiatkan lelaki dan perempuan supaya berbuat kebaikan kepada ibu dan bapa..." (29:8).

Bagi ibu bapa tua yang tinggal bersama anak dewasa atau bersendirian biasanya bantuan yang diterima daripada anak dewasa merangkumi bantuan kewangan, penyediaan makanan, pembelian barang keperluan harian, penjagaan kebersihan rumah dan mencuci pakaian dan pengangkutan (untuk mengunjungi sanak saudara dan/ atau hospital/klinik). Ibu bapa tua di Malaysia masih bergantung kepada anak dewasa, saudara-mara dan kawan-kawan untuk mendapatkan bantuan tersebut. Keluarga terdekat merupakan pilihan pertama untuk diminta bantuan dan sokongan oleh warga tua yang tinggal dalam komuniti (ChorSwang & DaVanzo 1999).

Penyataan di atas disokong oleh Mohd Taib Osman (1989: 42) yang menyatakan bahawa hubungan antara ibu bapa dengan anak dewasa dalam masyarakat Melayu adalah berdasarkan hormat dan sikap tanggung jawab terhadap satu sama lain. Orang Melayu tidak menerima hakikat apabila anak dewasa tidak mematuhi ibu bapa, tidak menghormati dan tidak mengambil berat tentang kebaikan ibu bapa terutama ketika mereka tua dan uzur.

Perbuatan seperti itu bukan sahaja bercanggah dengan ajaran agama, tetapi juga bertentangan dengan harapan masyarakat. Dari perspektif Islam penjagaan warga tua adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh anak dewasa (Mazilan Musa, 2001).

Tanpa mengambil kira sebab atau motivasi seseorang menjadi penjaga ibu bapa tua, tanggung jawab yang harus dipikul oleh anak dewasa memerlukan komitmen yang amat besar (Cranswick 1997). Penjagaan ini biasanya perlukan penyesuaian dalam cara hidup anak dewasa sebagai penjaga dan ini memberi kesan kepada masa yang perlu diluangkan kepada keluarga dan kawan-kawan, masa *personal* atau keutamaan yang perlu diberikan kepada kerjaya dan pelbagai pembahagian tugas di rumah (Hoyer & Roodin 2003). Bagi anak dewasa, mengambil keputusan untuk menjaga ibu bapa tua boleh menyebabkan mereka mengalami keterbalikan tanggung jawab dan autonomi. Perubahan ini boleh mengakibatkan ketegangan dan konflik (Smerglia et al. 1997). Masalah dan cabaran kepada anak dewasa akan meningkat secara beransur-ansur apabila ibu bapa mereka semakin uzur dan kurang upaya. Fenomena ini lebih meruncing apabila terdapat penyisipan modenisasi dalam struktur keluarga dan sosial dalam masyarakat Melayu di bandar. Perubahan struktur keluarga dan sosial ini memberi kesan kepada anak dewasa dan ibu bapa tua. Oleh yang demikian, artikel ini memberi tumpuan dengan lebih terperinci tentang pengalaman anak dewasa yang berpendapatan rendah dan yang menjaga ibu bapa tua, terutamanya dalam kalangan golongan Melayu.

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dilakukan bertujuan mendedahkan pengalaman anak dewasa yang berpendapatan rendah dari segi menjaga ibu bapa tua dalam kalangan golongan Melayu bandar. Analisis perbandingan dilakukan antara penjagaan warga tua yang sihat, kurang upaya dan sakit melarat untuk mendapat pemahaman yang lengkap serta mendalam mengenai pengalaman yang dilalui oleh anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua mereka. Artikel ini mengutara dan membincangkan objektif utama, iaitu meninjau pengalaman yang dilalui oleh anak dewasa yang menjaga ibu bapa mereka dalam situasi moden dan mencabar ini.

### KAEDAH KAJIAN

Gabungan kajian kes berpandukan pendekatan fenomenologi dipilih bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Pendekatan dan kaedah ini juga dipilih untuk membolehkan penyelidikan ini menjawab persoalan kajian berlandaskan latar belakang subjek kajian, yang secara sukarela sedia berkongsi pengalaman mereka. Informan dipilih secara bertujuan (purposive) mengikut kriteria yang ditetapkan, dan boleh menjelmakan banyak maklumat

yang terselindung, terutamanya tentang beban penjagaan yang dialami oleh anak dewasa. Pendekatan kualitatif ini juga membantu mendokumentasikan secara sistematik, klasifikasi dan mentafsir maklumat serta pengalaman sehingga dapat membuat refleksi secara tepat gaya hidup dan pengetahuan yang ada dalam konteks kajian. Tambahan pula, Sandelowski (2000: 334) menekankan bahawa ... *the description in qualitative descriptive studies entails the presentation of the facts of the case in everyday language*.

Pemilihan kriteria sampel adalah anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua yang tinggal di dalam komuniti, terutama di Kuala Lumpur. Justifikasi utama pemilihan kumpulan anak dewasa ini kerana berpendapatan rendah, bekerja, mempunyai ramai tanggungan dan menjaga ibu bapa tua.

Pengkaji telah menerima nama dan alamat lengkap seramai 25 orang informan daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan mengikut kriteria penerima bantuan orang tua yang tinggal bersama anak. Hanya lapan orang informan yang sesuai dengan kriteria pemilihan persampelan telah dipilih sebagai informan dalam kajian ini. Dengan maklumat yang diterima daripada informan tersebut diharapkan dapat memberi gambaran secara mendalam mengenai pengalaman anak dewasa dalam menjaga ibu bapa mereka. Julat umur informan adalah di antara 32 tahun hingga 52 tahun. Mereka terdiri daripada golongan wanita yang telah memasuki peringkat umur pertengahan dan memainkan peranan penjagaan. Tempoh pengalaman lapan orang informan itu dalam menjaga ibu bapa adalah antara 3 hingga 25 tahun. Pengkaji telah memilih tiga (3) kategori warga tua yang dijaga oleh anak dewasa, iaitu; kategori warga tua yang sihat dan produktif; kategori warga kurang upaya tetapi masih boleh melakukan kerja harian dengan terbatas dan kategori warga tua sakit terlantar (*bed-ridden*) yang memerlukan bantuan anak dewasa secara sepenuhnya (Rajah 1). Rasional pemilihan *extreme case sampling* ketiga-tiga kategori warga tua ini dapat memberi gambaran dan maklumat terperinci tentang persamaan dan perbezaan pengalaman penjagaan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua.



RAJAH 1: Model Kontinum Penjagaan Ibu Bapa Sihat, Kurang Upaya dan Sakit terlantar

Temubual mendalam telah dijalankan secara terbuka dan tidak berstruktur. Temubual dimulakan dengan soalan seperti berikut:

Apakah *pengalaman yang dilalui oleh anak dewasa* dalam menjaga ibu bapa tua dalam situasi moden dan mencabar ini.

Soalan tambahan yang dibincangkan adalah mengenai latar belakang informan, mengapa mengambil tanggungjawab penjagaan dan apakah suka duka yang mereka lalui dalam proses menjaga ibu bapa tua. Bagi temubual seterusnya pengkaji telah memilih petikan-petikan daripada laporan bertulis (*transcribed*) untuk membentuk tema. Pengkaji juga telah menemui informan kali kedua untuk memastikan petikan yang dipilih mendapat pengesahan mereka dan bagi memastikan jika informan ada penambahan maklumat mengenai petikan daripada temubual pertama.

Pengkaji telah memastikan kesahan dan keboleh percayaan data dengan menggunakan kriteria yang dikenal pasti oleh Merriam (1998). Beberapa strategi dalam kajian kualitatif untuk kesahan dalaman data telah digunakan, iaitu: memanjangkan masa penyelidikan, triangulasi, semakan kembali dengan informan (*member checks*), pengamatan jangka masa lama dan penilaian pakar. Kesemua strategi ini adalah untuk mengurangkan pengaruh atau bias pengkaji.

## HASIL KAJIAN

### PROFIL INFORMAN (ANAK DEWASA)

Artikel ini memaparkan penemuan hasil kajian yang dijalankan ke atas lapan orang informan yang terdiri daripada anak dewasa terutama wanita yang menjaga ibu bapa tua. Penemuan kajian menunjukkan bahawa umur penjaga adalah di antara 32 hingga 52 tahun di mana (Jadual 1). Ini bermakna informan telah memasuki peringkat umur. Kajian lepas membuktikan bahawa bukan sahaja faktor gender tetapi umur penjaga juga perlu diambil kira dalam penjagaan ibu bapa tua. Golongan wanita yang memasuki peringkat umur pertengahan memainkan peranan utama dalam penjagaan ibu bapa tua di United Kingdom dan Amerika Syarikat (Moen et al. 1994; Dwyer & Coward, 1992; Stone et al. 1987; Evandrou et al. 1986; Brody, 1985). Oleh itu, tidaklah hairan masih ramai anak perempuan yang melaksanakan tanggung jawab penjagaan ibu bapa tua pada pertengahan umur (Smith et al. 1994). Hampir 75 peratus penjaga dalam pertengahan umur adalah anak perempuan (Older Women League [OWL] 2001).

Walau bagaimanapun, salah satu kriteria pemilihan sampel dalam kajian ini adalah anak dewasa yang telah berkahwin dan mempunyai keluarga sendiri. Pemilihan ini bertujuan menggambarkan pengalaman penjagaan dan tahap beban yang perlu ditanggung oleh informan antara menjaga ibu bapa dan keluarga sendiri. Berdasarkan penemuan artikel ini, terdapat lima informan telah berkahwin, seorang informan janda, seorang informan telah berpisah dan seorang lagi bercerai hidup. Menurut Himes dan Jordan (1996), anak perempuan yang tidak berkahwin lazimnya mengambil peranan menjaga ibu bapa mereka. Kajian ini hanya meninjau pengalaman anak dewasa yang telah berkahwin, bekerja dan mempunyai keluarga sendiri bagi melihat beban penjagaan yang dilalui dalam proses penjagaan ibu bapa tua.

Dari aspek tahap kesihatan informan, tiga orang informan yang berumur 30 tahun ke bawah tidak mengalami sebarang penyakit. Sebaliknya, beberapa orang informan yang berumur 40 tahun ke atas mengalami penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit hati, sakit kepala kronik dan sakit urat. Informan dalam kajian ini mempunyai jumlah tanggungan daripada 2 hingga 10 orang. Informan D mempunyai hampir 10 orang di bawah tanggungan beliau. Tanggungan ini termasuk 3 orang anak kakak beliau yang telah meninggal dunia, ibu yang kurang upaya dan keluarga sendiri.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, wanita biasanya mengambil peranan utama sebagai suri rumah tangga. Aktiviti yang biasanya dilakukan adalah memasak, mengemas rumah, menjaga anak dan menjaga ibu bapa tua serta rutin harian di dalam rumah. Sebaliknya dalam era moden ini, kecenderungan untuk melakukan pekerjaan di dalam rumah semakin berkurangan dan biasanya wanita Melayu yang tinggal di bandar akan bekerja di luar rumah untuk membantu menambah pendapatan keluarga. Fenomena ini menyebabkan anak dewasa, terutamanya wanita menghadapi masalah dan cabaran dalam mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa tua yang semakin uzur dan tidak berupaya mengurus diri atau melaksanakan aktiviti kehidupan harian. "Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul", peribahasa ini tepat dalam menghuraikan pengalaman anak dewasa yang tinggal di bandar, yang mempunyai keluarga sendiri, berpendapatan rendah serta mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa tua. Proses pengalaman penjagaan

JADUAL 1. Profil Informan (Anak Dewasa)

Informan	Umur	Gender	Status Perkahwinan	Tahap Kesihatan	Jumlah Tanggungan (orang)
A	51	P	Berkahwin	Kencing manis dan darah tinggi	3
B	44	P	Berpisah	Kencing manis dan darah tinggi	4
C	44	P	Berkahwin	Kencing manis dan darah tinggi	6
D	33	P	Berkahwin	Sihat	10
E	32	P	Bercerai	Sihat	3
F	35	P	Berkahwin	Sihat	3
G	52	P	Janda	Sakit urat	2
H	45	P	Berkahwin	Sakit kepala kronik	4

dalam kalangan anak dewasa digambarkan dan diuraikan dengan terperinci dalam memahami suara hati anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua.

### PENGALAMAN PENJAGAAN DALAM KALANGAN ANAK DEWASA

Interpretasi data melalui analisis laporan bertulis (*transcript*) telah menemukan tiga tema utama dan beberapa sub tema bagi memahami pengalaman anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua. Berdasarkan kepada Jadual 2, tema utama adalah pra pengalaman penjagaan dan keadaan sebenar pengalaman penjagaan.

Domain proses penjagaan dibahagikan kepada dua. Bagi kategori pertama, iaitu anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang kurang upaya dan sakit melarat didapati bahawa pengalaman mereka amat duka, susah dan sedih dalam proses penjagaan. Sebaliknya, bagi anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat didapati pengalaman penjagaan mereka adalah suka, senang dan gembira. Tema pra pengalaman penjagaan pula terbahagi kepada lima sub-tema, iaitu membala budi, dedikasi, komited, berkongsi masalah dan bertolak ansur. Sub tema sebenar pengalaman penjagaan yang terbahagi kepada pengetahuan logikal merangkumi muhasabah diri dan bantuan kewangan (timbal balik); hubungan *tangible* yang rapat dengan anak perempuan, bantuan kewangan (timbal balik); dan hubungan tidak *tangible* seperti ibu informan menjaga cucu dan menjalankan kerja rutin harian dalam rumah.

Pengkaji telah mengkategorikan kesemua sub tema pra pengalaman dan pengalaman sebenar informan kepada proses penjagaan. Bermula dengan pra pengalaman dan berakhir dengan pengalaman sebenar

JADUAL 2. Komponen Utama dalam Proses Pengalaman Penjagaan

Domain	Tema	Subtema
Proses penjagaan	Pra Pengalaman Penjagaan	<p>Tanggungjawab Penjagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membala budi ibu bapa</li> <li>• Dedikasi</li> <li>• Komited</li> <li>• Kami berkongsi</li> <li>• Masalah/perasaan</li> <li>• Bertolak ansur</li> </ul>
	Pengalaman Sebenar Penjagaan	<p>Pengetahuan Logikal:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Muhasabah diri (nanti kita tua sama juga).</li> <li>• Pertukaran bantuan kewangan (timbal-balik).</li> </ul> <p><i>Tangible</i> dan Tidak <i>Tangible</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu boleh menjaga cucu</li> <li>• Anak perempuan lebih rapat dengan emak</li> <li>• Pertukaran bantuan kewangan (timbal-balik)</li> </ul>

seseorang informan yang dapat dikategorikan kepada beberapa sub tema utama, iaitu tanggungjawab penjagaan, pengetahuan logikal, hubungan *tangible* dan tidak *tangible*.

### TANGGUNGJAWAB PENJAGAAN

#### MEMBALAS BUDI IBU BAPA

Kebanyakan informan menyatakan bahawa tanggungjawab penjagaan yang dilaksanakan adalah untuk membala budi ibu bapa. Informan menyatakan luhan hati mereka melalui refleksi pengalaman yang dilalui daripada kecil sehingga sekarang. Refleksi pengalaman yang dilalui informan jelas menunjukkan bagaimana seseorang ibu menjaga informan semasa kecil dan membesar mereka. Luhan hati informan juga dikaitkan hubungan mereka dengan adik-beradik yang lain. Informan menghuraikan pengalaman mereka dengan lebih terperinci.

sedangkan dia *melahirkan kita..membesarkan kita..menjaga kita..*dalam zaman sekarang lagilah..berpelajaran..duit ada.. Sebab dia orang jaga kita... *sampai tak tidur malam kan...* cuma tinggal emak seorang tu pun tak boleh jaga macam mana...sedangkan dia sekolah kan kita ..*hantar sekolah tinggi-tinggi..tak ada apa yang dia dapat.*

(Informan B)

Dulu emak ni *tunggu kat kelambu anak dia...*takut anak dia kena gigit nyamuk..macam tu sayang dia kat anak-anak...*kalau makan ikan tu mesti bagi sama rata...*jadi saya hairan bila dia macam ni tak da datang nak tengok dia...

(Informan C)

Kenapa nasib emak jadi macam ni...sebab emak jaga saya dari kecil mungkin *inilah cara saya balas budi baik emak agaknya.*

(Informan D)

Terima lah...sebab dia tak mau pergi mana-mana, tak kan kita nak halau dia pulak...*dah emak kita...kita bela lah.*

(Informan G)

Informan B menjelaskan bahawa pengorbanan seorang ibu yang melahirkan, menjaga, membesar dan menyekolahkan anak-anak. Sebagai ibu bapa pengorbanan yang dilalui oleh mereka tidak ada bererti, jika anak-anak tidak membala budi mereka. Tambahan pula, informan C pula menyatakan bahawa ibu beliau akan berjaga semasa mereka tidur dan membahagi makanan sama rata supaya anak-anak dapat merasakan kasih sayang yang sama. Informan C amat hairan apabila dewasa tidak ada sesiapa yang sanggup menjaga ibu beliau. Rumusannya adalah pengorbanan inilah salah satu cara untuk membala budi ibu bapa melalui menjaga mereka dengan baik seperti dinyatakan oleh informan D dan G.

#### DEDIKASI

Dedikasi boleh dirumuskan sebagai penggunaan masa, tenaga dan harta untuk melakukan sesuatu perkara.

Petikan-petikan di bawah menunjukkan penggunaan masa, tenaga dan kewangan yang digunakan oleh informan dalam menjaga ibu bapa mereka.

Masa emak buat chemo taulah selera tak sedap...dia tak nak makanan hospital..time macam ni (jam 12.30) dah berlari ke hospital ..kang petang sekali lagi berlari ke hospital gi hantar makanan kat dia...hulu ke hilir...masa tu tak dalam darah tinggi ...insyallah tak adalah. Penyakit tu tak datang. Tak ada nak hantar kita ..kita naik LRT aje..kadang-kadang duit tak cukup jadi jalan kaki daripada stesen titiwangsa tu ke hospital ..bercunggap2..nanti kang pukul 2 kang balik. Pukul lima ke enam datang balik..hari-hari macam tu..berapa lama dia duduk hospital tu. Tapi masa tu tak da rasa badan sakit-sakit...rasa sihat aje..terkejar-kejar ...malam kang nak menjahit lagi. Emak kat hospital kan...tak dapatlah cari duit banyak.

(Informan A)

Informan A sanggup menghantar makanan ke hospital ketika ibu beliau menerima rawatan kimoterapi dengan menaiki kenderaan awam dan berjalan kaki jika wang tidak mencukupi. Rawatan kimoterapi ini dijalankan setiap enam bulan bagi mengawal penyakit barah usus besar yang dialami oleh ibunya. Setiap hari beliau menghantar makan tengah hari dan petang. Makanan ini bukan sahaja untuk ibu beliau tetapi juga untuk rakan-rakan kimoterapi ibunya. Menurut informan A:

makanan hospital ini tak sedap hanyir...bukan dia cuci bersih...doktor dah pesan...buat kimo tak ada selera makan..ada sesiapa bawa makanan kumpullah makan ...doktor pun dah cakap macam tu...apa lagi seronoklah dia..esok engkau bawa rendang ayam...saya bawak...esok lagi engkau bawakan aku ikan dah engkau salai dulu... kita ikut cakap dia tu...kesian tengok dia.

Dedikasi informan C telah ditunjukkan dengan beliau berhenti kerja apabila ibu beliau mengalami strok kali kedua. Bagi menambahkan pendapatan keluarga dan sambil menjaga ibu yang sakit terlantar, beliau menjual nasi lemak di hadapan rumah dan dibantu oleh jiran yang bernama T. Informan C juga menceritakan bahawa tidak ada adik-beradik yang mahu menjaga ibu kerana setiap sepuluh minit, ibu beliau akan memanggil untuk mengalihkan kedudukan duduk atau baring. Informan C juga menegaskan bahawa beliau telah melaksanakan tugas penjagaan ini bertahun lamanya, berbanding dengan adik beradik yang lain tidak sanggup melakukannya walaupun dalam masa setengah hari. Menurut informan C:

Pagi dah bangun pukul 4 buat nasi lemak ...dah sampai pukul 7 tu saya meniaga ...pukul 9 kang...achik ni tolong...saya naik mandikan emak, tukarkan pampers, bagi makan.....balik semula bermiaga sampai jam 11 ...dah tu masak tengahari untuk anak-anak makan...Nak jaga emak sebab dia kena strok kali kedua kan...nak buat macam mana kan terpaksalah berhenti kerja...tengahari kang relaks lah kat sini...kejap-kejap emak panggil ..tak sampai 10 minit dah alih tempat...kadang nak duduk...sambil tu akak baring depan ni kan...kalau dia nak jalan gantilah..gantilah bawa dia kan...

bukan jaga dua tiga hari...kalau dua tiga hari boleh cakap kan...tapi ni ...bertahun kan...saya ada abang dan kak ipar duduk dua tiga pintu aje dari sini...tapi tak nak tolong nak buat macam mana...

Dedikasi yang ditunjukkan oleh informan F pula tidak berhenti kerja, tetapi telah menggunakan masa setiap hari secara maksimum dalam menjaga ayah yang uzur, suami dan anak-anak. Bahkan beliau akan bekerja lebih masa untuk mendapatkan pendapatan tambahan bagi keluarga. Aktiviti harian informan F jelas diperkatakan dalam petikan berikut ini:

Saya dah bangun pukul 5 pagi. Siapkan masak letak kan atas meja lepas tu pukul 7.30 siap nak pergi kerja. Saya masuk kerja 7.45, lepas tu bunyi aje loceng pukul 12 terus balik bagi bapak makan. Terus pergi kerja. Saya makan pukul 3 baru saya makan. Kalau rajin saya buat OT sampai pukul 7 malam. Balik malam nanti masak bagi bapa makan...dah check buku sekolah anak...9.30 macam tu... bagi bapa ubat ...

Begitu juga dengan informan G yang menunjukkan dedikasi beliau dalam menjaga ibu yang berumur 82 tahun dan kakak ipar yang berumur 54 tahun yang sakit terlantar akibat sakit sawan. Penggunaan masa dan tenaga jelas dalam aktiviti harian yang dilalui berpuluh-puluh tahun dalam menjaga kedua-dua ahli keluarga. Beliau sanggup berhenti kerja kerana ibu informan dan kakak ipar yang semakin uzur. Menurut informan G:

...bila dia dah tak berapa sihat...akak berhenti kerja... lepas tu akak ipar pun tak berapa sihat...anak-anak kecil masa tu...jadi tak kan nak tengok emak tunggang langgang kat rumah kan...tulah akak berhenti kerja...takut dia jatuh apa ke kan...kalau dia jatuh ...kita susah ti...pada akak biarlah akak sakit daripada emak sakit...kita sakit kita tuluh takat mana sakit kita kan. Biasanya akak lepas habis bagi emak makan akak ke rumah abang kejap ...panaskan makanan bagi akak ipar makan... saya balik sinilah... bagi pulak emak minum petang ti...macam tu kerja akak...

## KOMITMEN

Sub tema komitmen (*bound by obligation*) didefinisikan sebagai mengambil tanggungjawab penjagaan. Obligasi filial atau tanggungjawab sosial merujuk kepada tanggungjawab anak dewasa terhadap ibu bapa mereka. Tanggungjawab ini ditentukan oleh budaya masing-masing untuk memenuhi keperluan ibu bapa pada peringkat akhir hidup. Dalam budaya Melayu, sifat menghormati ibu bapa dalam hubungan seharian dizahirkan melalui beberapa cara. Ini termasuk menggunakan bahasa percakapan yang lemah lembut, bersopan santun dan berbudi bahasa serta tidak melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan kemarahan ibu bapa (Yaacob Harun 1993). Menurut informan A, beliau mengambil tanggungjawab menjaga ibu dengan perasaan komited kepada tugas tersebut.

Saya tak sampai hati sebab tu saya ambil tanggungjawab dari dulu gi (lagi).. menjaga emak...

Informan C pula menyatakan bahawa menjaga ibu beliau merupakan satu cabaran yang besar. Beliau merasakan begitu semasa ibu informan membuat perkara-perkara yang sukar hendak dikawal, misalnya menangis, marah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, beliau amat

komited terhadap tugas penjagaan yang telah dilaksanakan semenjak berumur 8 tahun, iaitu sewaktu ibu beliau menghadapi masalah kesihatan mental. Pengalaman awal membolehkan beliau sabar menghadapi kerentan ibu beliau dengan fikiran yang terbuka. Menurut informan C:

Jaga emak paling mencabar lah....kena-kena betul-betul sabar...kalau dia buat pelepas tu memang tak boleh tahan lah....kadang kita penat kan...saya keluar rumah tu...pergi luar tu...*dulu masa akak kecil lagi dah jaga dia* (ibu informan) ...masa tu akak baru lapan tahun...ambil air dari perigi jauh dari rumah atas kepala ni ...*mandi kan dia*...masa tu kat kampung mana ada api air ni... Macam kena apa nilah kan ...ada hasutan lah...roh...lepas dia baik tu dah mula rapat dengan dia dah pergi menoreh dengan dia...dua tiga pagi dah pergi dengan dia...

Sekarang ni pagi dah bangun pukul 4 buat nasi lemak untuk meniaga ...dah sampai pukul 7 tu saya meniaga ...pukul 9 kangs...achik ni (jiran informan) tolong...*saya naik mandikan emak bagi makan*...Tak da tanggung jawab lah tu lepas tangan macam tu....kalau dia tak boleh bela dia boleh tanggung jawab bagi sikit..tak taulah akak nak cakap apa...

Kes informan C hampir sama dengan informan D yang menyatakan bahawa dari kecil lagi beliau telah tinggal bersama ibu beliau, berkahwin, beranak-pinak sehingga ibu menjadi kurang upaya. Informan D ingin mengambil tanggungjawab menjaga ibu kerana kakak beliau telah meninggal dunia pada usia 25 tahun akibat penyakit asma. Di samping menjaga ibu, informan D juga menjaga anak-anak arwah kakak beliau sehingga sekarang. Beliau amat komited dalam menjaga ibu dengan menjelaskan bahawa beliau akan terus menjaga sehingga ibu masuk ke liang lahad.

Dari sebelum kahwin tinggal kat sini, sekarang dah kahwin pun masih tinggal kat similah...jadi teruslah jaga emak dari kecil lagi. Dah tanggungjawab saya agaknya...(menangis). Adik beradik lain lelaki...sekarang ni saya seorang perempuan... Biarlah saya menjaga tak pe...puashati...saya tak tau nanti orang buat apa ke...biarlah saya jaga sampai dia masuk liang lahad.

Selari dengan kes informan C dan D, informan G pula tinggal bersama ibu selepas berkahwin sehingga suami beliau meninggal pada tahun 1995 dalam usia 53 tahun akibat barah hati. Di samping menjaga ibu, informan G juga menjaga kakak ipar yang sakit terlantar di aras 3 blok rumah pangsa yang sama. Sejak dahulu lagi informan G amat komited dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga ibu dan kakak ipar.

Semua duduk sekali lah ...akak kahwin duduk serumah dengan emak, abang kedua, dengan anak-anak dia semualah kan kat kg baharu. Abang tak bagi saya dan suami pindah sebab kadang-kadang malam isteri dia kena sakit akak kena jaga lah anak-anak dia ...buat susu anak, salin lampin anak dia.

Sebagaimana ibu dan bapa memberikan kasih sayangnya kepada anak-anak, maka Islam juga menganjurkan supaya anak-anak juga memberikan kasih sayang terhadap kedua ibu bapa mereka. Tegasnya anak-anak mestilah menyayangi dan mengasihi ibu bapa,

mematuhi segala perintah dan nasihat keduanya, menggunakan kata-kata yang lemah lembut serta beradab, tidak menyinggung perasaan dan menyakitkan hati kedua ibu bapa.

Tanpa mengambil kira sebab atau motivasi seseorang menjadi penjaga ibu tua, tanggung jawab yang harus dipikul oleh anak dewasa memerlukan komitmen yang amat besar (Cranswick 1997). Bagi memenuhi keperluan penjagaan ini biasanya memerlukan penyesuaian dalam cara hidup anak dewasa sebagai penjaga dan ini memberi kesan kepada masa yang perlu diluangkan kepada keluarga dan kawan-kawan, masa personal atau keutamaan yang perlu diberikan kepada kerjaya dan pelbagai pembahagian tugas di rumah (Hoyer 2003).

### BERKONGSI MASALAH

Informan B, E dan H menjelaskan bahawa mereka akan berkongsi masalah dengan ibu mereka. Ketiga-tiga informan ini tidak mempunyai suami, maka ibu mereka menjadi teman hidup. Menurut informan B, E dan H:

... kalau akak suka cerita dengan ayahlah kan..dia memahami hati anak-anak...kalau dulu ayah suka tanya ada apa-apa ke? Sampai lah dia meninggal tak pernah nak menyusahkan kita lah kan..jadi tak da lah kita orang nak buat sesuatu benda yang apa orang kata...untuk masa akan datang tak lah buat keputusan macam tu sendiri..tak ada...kita bawa berbincang dululah....

(Informan B)

Entahlah...nak kata semua rapat tapi entah macam mana emak nak duduk dengan saya. Saya pun duduk seorang, jadi kalau emak ada boleh berkawan, anak-anak saya pun boleh teman kan emak.

(Informan E)

Kadang abang datang tanya “emak nak pergi emak, bawa lah baju dua tiga helai, tinggal lah kat rumah abang” nak balik tinggal adik engkau (informan) kat rumah tak da teman...

(Informan H)

Lazimnya, ibu bapa juga menyumbang sokongan emosi kepada anak dewasa perempuan terutama dalam kalangan mereka yang ketiadaan suami (bercerai mati atau bercerai hidup). Hasil kajian ini mendapati bahawa ibu informan B, E dan H juga tidak mempunyai suami. Maka informan dan ibu mereka dapat berkongsi masalah yang sama, meminta nasihat dan pandangan dalam melaksanakan aktiviti kehidupan harian. Bentuk keluarga moden di bandar adalah jenis keluarga asas terpisah (*isolated nuclear family*) yang mempunyai hubungan minimum dengan sanak saudara. Situasi ini menyebabkan ibu bapa tua mudah bergantung kepada anak dewasa perempuan (bercerai mati atau bercerai hidup) untuk penjagaan berbanding dengan anak perempuan yang mempunyai suami. Informan H menjelaskan seperti berikut:

Dia (ibu informan) malas dia tak suka duduk rumah adik-beradik lain...akak saya ada suami lagi...nantikan...bila suami dia ajak

keluar kan...jalan kan...dia tinggal ...kita tak da suami... mungkin dia senang dengan kita kan...

Perkongsian masalah antara informan dengan ibu mereka boleh dihuraikan melalui aspek tolak ansur. Sub tema tolak ansur memainkan peranan penting untuk menghasilkan kesejahteraan hidup anak dewasa dan ibu bapa tua.

### BERTOLAK ANSUR

Daripada aspek bertolak ansur didapati bahawa kebanyakan informan di dalam kajian ini menjelaskan bahawa suami dan anak-anak mereka juga terpaksa bertolak ansur dalam menjaga ibu bapa tua. Informan A menceritakan suasana pertengkaran antara anak dan ibu beliau yang harus ditenteramkan dengan memberitahu anak beliau tentang keadaan kesihatan ibu.

engkau faham sendirilah dia dah tua.. bermacam ubat dia makan ...sabar ajelah..diamkan aje...dah lama-lama dia okay balik tu...jangan dilawangkan..masa baru keluar hospital saya pun naik sakit kepala tau...kadang-kadang dia cari kesalahan saya...engkau ni mana duit...nini...saya terfikir tak sedar ke emak ni aku duduk hospital dengan dia mana aku ada masa nak cari duit..diam ajelah..

Informan B pula menyatakan bahawa beliau dan adik beradik diberi pesanan oleh arwah bapa untuk selalu bersatu dan tolong-menolong antara satu sama lain.

tak ada mengira makan minum ke.pendek kata...kita adik beradik tak pernahlah mengira kan..kalau saya ada duit ...kalau orang ni datang berkumpul..dia beli apa-apa, makan sama...macam tulah...pesanan emak dan bapa ..engkau orang adik beradik satu dengan lain jangan bertelagah...saling memahami..saling menghormati..arwah ayah selalu bagi semangat untuk adik-beradik mesti tolong menolong antara satu sama lain..dari segi kewangan ke...

Sejajar dengan informan A dan B, informan G juga amat bertolak ansur dalam menjaga ibu beliau. Malah beliau bergilir-gilir menjaga ibu semasa ibu jatuh sakit dan ditempatkan di Hospital Kuala Lumpur.

... buat masa sekarang nampak ok lah kan...misalnya emak duduk hospital enam hari tu...kita jaga gilir-gilir lah kan. Adik jaga malam jugak...anak abang pun tolong jaga jugak...

Secara keseluruhan, pengkaji dapat mentafsirkan bahawa informan A, B dan G melalui proses yang sama, iaitu mereka bertolak ansur antara ibu bapa, suami, anak-anak dan adik beradik dalam menjalankan aktiviti bersama keluarga. Sebagai contoh, menjalankan kenduri-kendara, dan menjaga ibu bapa yang sakit di hospital.

### PENGETAHUAN LOGIKAL

#### MUHASABAH DIRI

Sub tema muhasabah diri atau cermin diri daripada pengalaman informan jelas menunjukkan bahawa informan

memikirkan masa depan apabila mereka menjadi tua. Informan A, F dan H menyatakan bahawa:

... tapi tanggung jawab kita sendirilah..emak kita kan...kita pun tau kan satu hari nanti kita pun akan jadi nenek..masa tu kita pun nak anak kita perhatikan kita kan...kat orang yang mudah, lembut hati, yang fikir balik, tu yang kadang-kadang dia tak kisah sangat ...*akak memang mudah sangat kesian kat orang tua...*

(Informan A)

Tak ada beza, sama aje. Biasalah orang tua, dia jalan-jalan terkencing kadang. Kita kena ingat suatu hari nanti kalau kita dah tua. Jadi tak ada masalah untuk saya. saya bertawakal ajelah, buat setakat mana yang mampu, *fikir balik dia bapa kita juga kan...kalau tak ada dia tak lah kita kan...*

(Informan F)

Itu yang saya kata...bila kita sia-sia dia sekarang...nanti kita dah tua nanti kita dapat pulak balasan yang tak baik...niat tu itu ajelah...orang kata *tak mau sompong dengan orang tua.*

(Informan H)

Ketiga-tiga informan tersebut menyatakan bahawa mudah kesian kepada orang tua, tanpa mereka tidak wujudlah kita dan tidak mahu sompong dengan orang tua. Penyataan di atas selari dengan firman Allah dalam surah Yaasin ayat 68: ... Dan barang siapa yang Kami panjangkan umurnya nescaya Kami kembalikan dia kepada kejadiannya (menjadi lemah dan kurang akal seperti kanak-kanak), Maka apakah mereka tidak memikirkan? ... Ayat ini menyatakan bahawa semasa manusia semakin menua mereka akan berubah kembali seperti anak-anak kecil di mana mereka akan menjadi semakin lemah dari segi mental dan fizikal.

### TIMBAL BALIK

Lazimnya keluarga akan membentuk rangkaian bantuan timbal balik di antara ibu bapa tua dan anak dewasa sepanjang kitaran hidup seseorang individu. Menurut informan A, semasa ibu bapa masih sihat beliau bekerja. Setelah ibu bapa semakin uzur, informan terpaksa berhenti kerja untuk membantu menjaga mereka. Begitu juga dengan informan B, D, dan G di mana pernah bekerja dan berhenti atas alasan yang sama seperti yang diberikan oleh informan A.

Mula-mula dulu, akak yang kerja, kita dah tau emak dan ayah susah, bila kita dah besar dah kerja, dah tu ayah pun dah tua...jadi kita pulak bantu dia.

(Informan A)

..emak ada...saya kerja lah.

(Informan B)

dulu emak yang menjaga anak saya...sejak potong kaki ni susah sikitlah nak mengemas rumah.

(Informan D)

Kalau dia sihat dulu, dia masak, dia lipat kain, sidai kain...itu yang akak boleh kerja dulu kat Kampung Baharu...

(Informan G)

Bantuan timbal balik ini menunjukkan bahawa pada satu ketika dahulu ibu bapa pernah membantu informan semasa mereka keluar bekerja. Sebagai imbalannya ibu bapa menyumbangkan bantuan dan sokongan terhadap anak dan cucu informan. Ibu informan B, D dan G membantu kerja-kerja di rumah dan menjaga anak mereka. Maka, tibalah masanya untuk informan membala bantuan yang pernah dihulurkan oleh ibu bapa.

### BANTUAN TANGIBLE

Di Malaysia, keluarga merupakan sokongan sosial utama di dalam penjagaan ibu bapa tua semasa mereka uzur dan kurang upaya. Asnarulkhadi et al. (2006) mendapat bahawa antara bantuan yang paling banyak diterima oleh ibu bapa adalah pemberian wang dan makanan. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan warga tua amat berpuas hati dengan sokongan bantuan daripada keluarga. Namun, hasil kajian ini juga menunjukkan sedikit perbezaan dengan dapatan kajian Asnarulkhadi et al. (2006). Pengkaji mendapat bahawa kebanyakan informan dan adik beradik mereka tidak mampu menghulur bantuan kewangan kerana berpendapatan rendah. Sebaliknya ibu bapa yang mendapat bantuan kewangan daripada JKM pula yang membantu informan (anak dewasa) dalam mengurangkan beban kewangan. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini sependapat dengan Asnarulkhadi et al. (2006) dari aspek bantuan yang paling kurang diterima adalah riadah dan ziarah. Informan B, D dan E mendapat bantuan kewangan daripada ibu mereka.

Macam sekarang ni...emak dapat bantuan kebijikan kan...kalau saya tak cukup duit...gunakan lah duit bantuan tu untuk bantu saya

(Informan B)

Adalah dia bagi kat emak aje...emak dapat duit bantuan tu...kadang saya pinjam..nanti saya ada duit...saya pulang balik kat emak.

(Informan D)

Emak saya dapat duit JKM dah bersyukur sangat. Emak ada duit sendiri. Jadi kami saling membantulah. Emak tak pernah minta duit dengan saya. Saya tak pernah tension lah jaga emak. Pasal financial tu saya tak fikir...emak sangat memahami saya...

(Informan E)

Tambahan pula, informan B, D dan E merupakan ibu tunggal yang mengharungi kehidupan bandar tanpa sokongan kewangan yang kukuh. Bantuan JKMM ini bukan sahaja membantu ibu bapa tua tetapi juga membantu informan (anak dewasa) yang berpendapatan rendah bagi menampung keperluan harian keluarga.

### BANTUAN TIDAK TANGIBLE

Hampir kesemua informan kajian ini adalah anak perempuan dewasa yang menjaga ibu bapa mereka. Jenis-

jenis penjagaan yang diberikan oleh anak perempuan antaranya: penjagaan praktikal (misalnya mencuci pakaian, penyediaan makanan, penjagaan anak dan mengemas rumah) bantuan personal (misalnya bercakap tentang masalah dan memberi nasihat) dan bantuan material (misalnya kewangan dan hadiah) (Eriksen & Gerstel 2002). Kajian mereka menunjukkan bahawa ibu bapa lebih selesa tinggal bersama anak perempuan dan hubungan mereka lebih rapat berbanding dengan anak lelaki dewasa. Pengkaji mendapat bahawa beberapa orang informan menyatakan pandangan mereka mengenai mengapa ibu bapa mereka lebih rapat dengan mereka.

Tak taulah...dia orang nak duduk dengan saya...pilihan emak dan ayah. Emak nak tinggal dengan abang ke atau adik ke saya pun tak kisah kan..ikutlah...tapi emak ni pilih nak tinggal dengan saya..adik beradik lain ajak juga tinggal bersama..tapi dia tak nak...emak dan arwah bapa tak pernah nak menyusahkan saya

(Informan B)

Tak pa lah..emak agaknya lebih rapat kepada anak perempuan. Entah saya rasa saya lebih rapat kat emaklah..saya duduk rumah ni pun dah boleh tengok emak kan

(Informan D)

Kadang abang datang tanya “emak nak pergi emak, bawa lah baju dua tiga helai, tinggal lah kat rumah abang” nak balik tinggal adik engkau kat rumah tak da teman,

(Informan G)

Ketiga-tiga sub tema tanggungjawab penjagaan, pengetahuan logikal dan bantuan *tangible* dan tidak *tangible* yang dihuraikan seperti di atas telah disusun mengikut kategori anak dewasa yang menjaga ibu yang sihat dan anak dewasa yang menjaga ibu bapa kurang upaya dan sakit terlantar. Pengalaman penjagaan dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang sihat di mana informan dapat berkongsi masalah, membala budi, mendapat bantuan timbal balik serta bantuan *tangible* dan tidak *tangible* lebih banyak diperoleh daripada keluarga luas dan organisasi sosial. Sebaliknya bagi anak dewasa yang menjaga ibu bapa kurang upaya dan sakit terlantar pula pengalaman pra dan pengalaman sebenar yang diharungi di mana seseorang informan perlu bertolak ansur, komited, dedikasi, membala budi dan muhasabah diri.

Pengkaji juga mendapat bahawa kebanyakan informan mempunyai hubungan yang akrab daripada mereka masih kecil lagi dengan ibu bapa mereka. Jalinan interaksi puluhan tahun ini telah dibina antara kedua-dua belah pihak secara langsung dan tidak langsung. Perapatan hubungan antara informan dengan ibu bapa mereka dapat dijelaskan melalui aspek jangka masa penjagaan dan mengapa mereka dipilih menjadi penjaga. Pembahagian tugas antara anak perempuan dan anak lelaki dalam menjaga ibu bapa tua adalah amat ketara. Kesannya adalah kepada anak perempuan mengalami “*higher levels of stress and less satisfaction*” dalam hidup berbanding anak lelaki (Quadagno 2001: 340).

Pernyataan Quadagno (2001) selari dengan penemuan hasil artikel ini di mana anak dewasa perempuan terpaksa memikul terlalu banyak beban penjagaan. Manakala anak dewasa lelaki mendapat bantuan daripada adik-beradik perempuan ataupun isteri mereka dalam proses penjagaan ibu bapa tua. Di samping menjaga ibu bapa dan anak-anak, wanita yang tinggal di bandar harus bekerja di luar rumah atau bekerja sambilan di rumah bagi menambah pendapatan keluarga. Justeru, anak dewasa perempuan mengalami tekanan dan kurang puas hati dalam perjalanan hidup mereka terutama kehidupan di bandar.

## KESIMPULAN

Dapat dibuat kesimpulan bahawa seseorang yang ingin menjadi penjaga ibu bapa tua yang ideal perlu ada sifat-sifat (membalas budi, dedikasi, komited, tolak ansur dan berkongsi masalah); muhasabah diri dan sanggup memberi bantuan penjagaan *tangible* dan *tidak-tangible* (Rajah 2). Berpandukan sifat-sifat di atas proses penjagaan boleh dilaksanakan oleh anak dewasa sepanjang hidup sebagai ‘membalas budi’ terhadap pengorbanan ibu bapa mereka. Melalui penjagaan itu juga membantu menghilangkan perasaan terhutang budi dan meningkatkan perasan timbal balik dalam hubungan antara anak dewasa dan ibu bapa mereka (Rossi & Rossi 1990; Stein 1993). Pengkaji sependapat dengan Maznah & Rumaya (2003) yang menyatakan bahawa ‘hidup adalah dugaan’ (*life is a trial*). Setiap manusia tanpa mengira budaya dan agama harus melalui ujian-ujian dalam hidup bagi mencapai kematangan emosi.


Penemuan kajian ini juga dapat mencungkil pengalaman penjagaan anak dewasa bagi mengenal pasti tanggungjawab seseorang individu yang mengambil peranan penjagaan. Peranan penjagaan dipikul oleh anak dewasa dengan perasaan gembira, sedih dan mereka juga berhadapan dengan pelbagai masalah serta cabaran dalam

penjagaan ibu bapa tua. Kajian ini juga memberi implikasi bahawa teori penjagaan di negara Barat dan Asia Timur tidak sepenuhnya sesuai dalam menjelaskan pengalaman penjagaan dalam kalangan anak dewasa orang Melayu yang terikat dengan tuntutan agama Islam dan budaya timur. Bagi anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang uzur dan kurang upaya serta mengimbangi antara kerjaya, keluarga sendiri dan memenuhi tanggungjawab penjagaan ibu bapa mengikut tuntutan agama Islam adalah amat berat. Tuntutan agama Islam ini merupakan salah satu strategi dan sumber dayatindak yang dilalui oleh informan. Tanggungjawab penjagaan ini bermula dengan bertawakal (memperhitungkan kekuatan dan kemampuan seseorang individu terlebih dahulu sebelum mengerjakan sesuatu perkara) dan berakhir dengan tabah hati, sabar dan redha mengharungi masalah dan cabaran dalam menjaga ibu bapa mereka.

Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada generasi muda mengenai nilai murni penjagaan dan membalas budi ibu bapa tua yang banyak berjasa kepada keluarga, masyarakat dan negara. Justeru itu, ibu bapa tua dan anak dewasa perlu berganding bahu dan bantu membantu di dalam menjayakan konsep keluarga penyayang dan keluarga bahagia. Ini penting kerana Malaysia mengarah untuk mencapai negara Maju pada tahun 2020. Penemuan-penemuan yang digarap dalam artikel ini boleh dijadikan landasan penyelidikan akan datang bagi merancang satu strategi program penyediaan perkhidmatan sokongan sosial dalam komuniti bagi mengurangkan beban penjagaan anak dewasa dalam menjaga ibu bapa tua.

## RUJUKAN

- Asnarulkhadi Abu Samah. 2001. Community Approach to Elderly: Putting into Practice, 9<sup>th</sup> Annual General Meeting of Persatuan Gerontology Malaysia. UPM, 17 Jun 2001.
- Brody, E.M. 1985. Parent Care as Normative Family Stress. *The Gerontologist* 25: 19-29.
- Chen, P.C.Y. 2002. The Elderly Malaysian. *Malaysian Medical Association*. [http://www.mma.org.my/info/4\\_elderly\\_84.htm](http://www.mma.org.my/info/4_elderly_84.htm).
- ChorSwang Ngin & DaVanzo, J. 1999. Parent-child Coresidence and Quasi-coresidence in Peninsular Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science* 27(2): 43-64.
- Craswick, K. 1997. Canada’s Caregivers. *Canadian Social Trends* 47: 2-6.
- DaVanzo, J. & Chan, A. 1994. Living Arrangement of Older Malaysians who Coresides with Their Adult Children. *Demography* 31(1): 95-114.
- Dwyer, J. W. & Coward, R.T. 1992. *Gender, Families and Elder Care*. Newbury Park CA: Sage.
- Eriksen, S. & Gerstel, N. 2002. A Labor of Love or Labor Itself: Care Work among Adult Brothers and Sisters. *Journal of Family Issues* 23(7):836-856.
- Evandrou, M., Arber, S., Dale, A. & Gilbert, G. 1986. Who Cares for the Elderly? Family Care Provision and Receipt of Statutory Services. In *Dependency and Interdependency in Old Age: Theoretical Perspectives and Policy*



RAJAH 2. Model Pra Pengalaman dan Pengalaman Sebenar Penjagaan

- Alternatives*, disunting oleh Phillipson C., Bernard, M. & Strang P. 150–166. British Society of Gerontology: London.
- Himes, C.L. & Jordan, A.K. 1996. Factor Influencing Parental Caregiving by Adult Women. *Research on Ageing* 18(3): 349-371.
- Hoyer, W. & Roodin, P. A. 2003. *Adult Development and Aging*. 5<sup>th</sup> edition. Boston, Massachusetts: McGraw-Hill College.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2001. *Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Maznah, B. & Rumaya, J. 2003. *Tekanan dan Dayatindak Keluarga*. Serdang: UPM.
- Maznah, M. & Mazalan, K. 1999. Learning for Older People in Malaysia. Paper presented at the Asian South Pacific Bureau of Adult Education's Older People Learning (OPAL) Working Group Meeting. 5-9 November, 1999, Singapore.
- Mazilan Musa. 2001. Sumber Kewangan Alternatif untuk Hari Tua. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Ke Arah Hari Tua Yang Gemilang. 2–3 Oktober, 2001. IKIM, Kuala Lumpur.
- Merriam, S. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Moen, P., Robinson, J. & Field, V. 1994. Women's Work and Caregiving Roles: A Life Course Approach. *Journal of Gerontology: Social Sciences* 49: 176-186.
- Mohd. Taib Osman. 1989. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: DBP.
- Nazileh Ramli. 2001. Senario Penuaan di Malaysia: Kesannya kepada Negara. Kertas Seminar Kebangsaan ke Arah Hari Tua yang Gemilang. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). 2–3 Oktober 2001, Kuala Lumpur.
- Ong Fong Sim. 2002. Ageing in Malaysia: A Review of National Policies and Programmers in Ageing and Long Term Care. In *National Policies in the Asia Pacific*. Singapore: ISEAS Library.
- Older Women's League. 1989. *Failing America's Caregivers: A Status Report on Women who Care*. Washington DC: Author.
- Parson, T. (eds.). 1977. The Family in Urban America. In *Sociology of the Family*. Anderson, M. Middlesex England: Penguin Books.
- Sandelowski, M. 2000. Focus on Research Methods: Whatever Happen to Qualitative Description? *Research in Nursing and Health* 23: 334–340.
- Smerglia, V. & Deimling, G. 1997. Care Related Decision-making Satisfaction and Caregiver Wellbeing in Families Caring for Older Members. *The Gerontologist* 37(5): 658-665.
- Smith, M., Longino, J. & Charles, F. 1994. Demography of Caregiving. *Educational Gerontology*, 20(7): 633-645.
- Stone, R., Cafferata G.L. & Sangl, J. 1987. Caregivers of the Frail Elderly: A National Profile. *The Gerontologist* 27:616-626.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. 1992. (cetakan ke-5). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Tan, P.C. 1996. Productive Ageing in Added Years of Life in Asia: Current Situation and Future Challenges. *Discussion about Policy and Program Implication Aging in Malaysia*. New York: United Nation Publication.
- Tengku Aizan Hamid. 2003. *Nasib Warga Tua pada Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Pemikir.
- Yaacob Harun. 1993. *Keluarga Melayu Bandar: Satu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Khadijah Alavi, PhD  
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600UKM, Bangi, Selangor  
Malaysia
- Rahim M. Sail, PhD.  
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
Serdang, Selangor  
Malaysia
- Khairuddin Idris, PhD.  
Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
Serdang, Selangor  
Malaysia
- Asnarulkhadi Abu Samah, PhD.  
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
Serdang, Selangor  
Malaysia